

INTEGRASI WEB 2.0 DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN : SATU KAJIAN DI FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Mohd Jasmy Abd Rahman
Nurul Nadirah Mohd Kasim
Mohd Arif Haji Ismail
Jamaluddin Jaffor

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
MALAYSIA.

Abstrak

Perisian Web 2.0 merupakan medium terkini dalam proses menghasilkan bahan kuliah interaktif dan inovatif oleh para pensyarah kepada para pelajar. Aplikasi web 2.0 menyediakan platform kepada pengguna untuk berkomunikasi dan berkolaborasi diantara satu sama lain serta penekanan terhadap penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif yang mana ianya dapat menjana kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar. Tujuan kajian ini adalah mengenalpasti tahap pengetahuan, penggunaan, kemahiran dan faktor-faktor penggunaan integrasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar siswazah fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan mengkaji hubungan di antara pengetahuan, kemahiran dan faktor penggunaan terhadap tahap penggunaan integrasi Web 2.0. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik mengikut skala Likert. Responden melibatkan 30 orang pelajar siswazah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih secara rawak. Hasil kajian menunjukkan tahap pengintegrasian perisian web 2.0 dalam kalangan pelajar fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah pada tahap tinggi. Bagi aspek pengetahuan, kemahiran dan faktor penggunaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap penggunaan aplikasi web 2.0. Ini menunjukkan bahawa walaupun tahap penggunaan perisian adalah pada tahap yang tinggi, tetapi pelajar lebih menggunakan perisian untuk interaksi sosial dengan rakan-rakan berbanding menggunakan dalam pembelajaran.

Kata Kunci : integrasi web 2.0, kolaboratif dalam pembelajaran dan pengajaran

Pengenalan

Selaras dengan sistem pendidikan di abad 21 yang memerlukan kemahiran pembelajaran berinovasi, media dan teknologi, aktiviti pembelajaran perlu menjuruskan ke arah mengaktifkan pelajar. Ia membantu mereka menjadi lebih kritis dan kreatif dalam kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dengan mempelbagaikan kaedah pembelajaran dan pengajaran agar menjadi lebih berkesan terutamanya yang menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Namun, ia memerlukan pendidik dan pelajar yakin dan cekap dalam penggunaan ICT dan

penggunaan kemahiran berfikir aras tinggi dan kreatif iaitu boleh berfikir secara kreatif dalam pelbagai cara, mengaplikasi, menganalisis konteks dan masalah yang timbul, membuat perancangan untuk menyelesaikan masalah, bekerjasama dalam pasukan, memantau kemajuan, respons kepada maklum balas, sintesis idea dan menilai semula rancangan serta mencipta sesuatu yang baru (Nicola Yelland & Anna Kilderry 2010).

Sehubungan itu, web 2.0 merupakan perisian yang terkini pembangunan e-kandungan dalam menghasilkan bahan kuliah interaktif dan inovatif oleh para pensyarah. Oleh itu, selaras dengan perkembangan teknologi web 2.0 ini membolehkan pensyarah dan pelajar berinteraksi secara “*blended learning*” iaitu percampuran kaedah pembelajaran di dalam kelas serta secara *onlinedan* “*ubiquitous learning*” iaitu memberi peluang kepada pelajar untuk belajar di mana sahaja dan tidak kira masa (JohanLuaran 2013) seperti mana yang telah diaplikasikan di setiap institusi pengajian tinggi pada masa kini.

Integrasi web 2.0 menyediakan platform kepada pengguna untuk berkomunikasi dan berkolaborasi diantara satu sama lain serta penekanan terhadap penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif yang mana ianya dapat menjana kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pelajar. Selain itu, web 2.0 dapat meningkatkan kualiti dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui bahan kuliah interaktif yang dibangunkan oleh pensyarah dan kemudahan berinteraksi dengan pelajar.

Latarbelakang

Sistem pendidikan pada masa kini sedang mengalami perubahan yang amat pesat sekali terutamanya dari segi penggunaan teknologi dan bahan-bahan rujukan. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang begitu pesat telah menuntut semua Universiti Awam (UA) melakukan transformasi dalam usaha melihat pengajian tinggi di Malaysia yang lebih dinamik dan inovatif. Menurut Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin (2012), Web 2.0 merupakan alatan terkini pembangunan e-kandungan dalam menghasilkan bahan kuliah interaktif dan inovatif oleh para pensyarah. Pendekatan pembelajaran masa kini dan perkembangan teknologi web 2.0 yang begitu pesat telah menjadikan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan boleh berlaku dimana-mana sahaja. Sehubungan itu, dengan adanya teknologi terkini aplikasi web 2.0, pembangunan e-kandungan dapat dilaksanakan dengan lebih interaktif dan efektif.

Sistem e-pembelajaran yang berasaskan sistem pengurusan pembelajaran (myLMS) sudah lama digunakan di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memudahkan proses pengajaran dan mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menarik. Bagaimanapun dengan adanya pelbagai kemudahan berasaskan teknologi web 2.0, ia menambah lagi satu lagi alternatif dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Objektif Kajian


- i. Menenalpasti tahap pengetahuan, penggunaan, kemahiran dan faktor-faktor penggunaan integrasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar siswazah fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ii. Mengkaji hubungan di antara pengetahuan, kemahiran dan faktor penggunaan terhadap tahap penggunaan integrasi Web 2.0.

Metodologi Kajian

Kaedah Kuantitatif digunakan dalam kajian ini yang mana pendekatan deskriptif iaitu kajian berbentuk tinjauan untuk mendapatkan segala maklumat daripada pelajar terhadap tahap pengetahuan, penggunaan, faktor penggunaan dan kemahiran menggunakan aplikasi web 2.0. Satu set soal selidik digunakan terhadap 30 orang pelajar pasca siswazah di Fakulti Pendidikan, UKM yang telah dipilih secara rawak sebagai kajian peringkat awal.

Dapatan Kajian

Graf 1.0 : kekerapan dan peratusan dari aspek jenis penggunaan teknologi web 2.0



Berdasarkan jadual 1.0, didapati bahawa 100% pelajar menggunakan facebook, 90% menggunakan skype, 80% menggunakan blog, 63.3% menggunakan wordpress, 53.3% menggunakan aplikasi prezi, 46.7% menggunakan twitter dan 26.7% menggunakan flickr serta 5.9% pelajar menggunakan evemote. Perisian yang lain digunakan oleh pelajar adalah tumblr, instagram, aplikasi google dan youtube.

Tahap Pengetahuan, Penggunaan, Kemahiran dan Faktor-faktor penggunaan Integrasi Web 2.0

Persoalan kajian 1 : Apakah tahap pengetahuan, penggunaan, kemahiran dan faktor-faktor penggunaan integrasi Web 2.0 dalam kalangan pelajar siswazah fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia?

Jadual 2.0 : Taburan Responden Mengikut Peratus (%) dan Min Berdasarkan Tahap Pengetahuan Aplikasi Web 2.0

BIL	ITEM	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya tahu tentang aplikasi web 2.0	-	6.7	33.3	36.7	23.3	3.77
2.	Saya mengetahui cara menggunakan web 2.0	-	6.7	30.0	46.7	16.7	3.73
3.	Saya mengetahui cara menggunakan web 2.0 dalam pembelajaran	-	13.3	23.3	40.0	23.3	3.73
4.	Saya mengetahui cara menggunakan web 2.0 dalam membina pengetahuan melalui interaksi sosial	-	6.7	3.3	56.7	33.3	4.17
5.	Saya mengetahui melalui web 2.0 dapat mewujudkan interaksi sosial di antara pelajar dan pensyarah	-	6.7	3.3	63.3	26.7	4.10
6.	Saya mengetahui cara menyiapkan bahan menggunakan web 2.0	6.7	6.7	16.7	63.3	6.7	3.57
7.	Saya mengetahui cara untuk berkongsi bahan melalui aplikasi web 2.0	-	-	30.0	50.0	20.0	3.9
8.	Saya mengetahui cara menggunakan web 2.0 yang interaktif untuk menjadikan pembelajaran yang berkesan	-	13.3	23.3	36.7	26.7	3.77
9.	Saya mengetahui pentingnya penggunaan web 2.0 seperti blog, wiki, google docs, prezi dan lain-lain dalam persekitaran pembelajaran untuk meningkatkan kepuasan diri	-	-	13.3	53.3	33.3	4.20
10.	Saya mengetahui pentingnya penggunaan web 2.0 dalam persekitaran pembelajaran untuk meningkatkan kualiti pembelajaran	-	-	20.0	43.3	36.7	4.17
11.	Saya mengetahui aplikasi web 2.0 sebagai platform kepada pengguna untuk berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi antara satu sama lain	-	-	6.7	56.7	36.7	4.30
12.	Aplikasi web 2.0 membolehkan pensyarah dan pelajar berinteraksi di alam maya	-	-	6.7	60.0	33.3	4.27

Min keseluruhan : 3.97 (tahap tinggi)

1. Sangat Tidak Setuju (STS)
2. Tidak Setuju (TS)
3. Kurang Setuju (KS)
4. Setuju (S)
5. Sangat Setuju (SS)

Jadual 2.0 menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan tahap pengetahuan menggunakan perisian web 2.0. Min tertinggi ialah 4.30 iaitu pada item ke 11, di mana majoriti responden bersetuju bahawa mereka mengetahui aplikasi web 2.0 adalah sebagai platform kepada pengguna untuk berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi antara satu sama lain. Hanya 6.7% sahaja yang kurang bersetuju dengan aplikasi web 2.0 adalah sebagai platform kepada pengguna untuk berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi antara satu sama lain. Selain itu, seramai 90% responden sangat bersetuju bahawa mereka lebih mengetahui cara menggunakan web 2.0 dalam membina pengetahuan melalui interaksi sosial berbanding dengan cara menggunakan web 2.0 untuk menyiapkan bahan pengajaran iaitu seramai 70% sahaja

yang sangat bersetuju. Nilai Min terendah adalah pada item ke 6 iaitu 3.57. Ini menunjukkan bahawa terdapat 70% bersetuju bahawa mereka mengetahui cara menyiapkan bahan menggunakan web 2.0 dan 16.7% yang kurang bersetuju serta 13.4% tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Daripada hasil kajian yang diperolehi, di dapati bahawa min keseluruhan ialah 3.97 yang menunjukkan bahawa ia berada pada tahap tinggi. Terdapat enam item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan enam item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan.

Jadual 3.0 : Taburan Responden Mengikut Peratus (%) dan Min Berdasarkan Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0

BIL	ITEM	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya menggunakan web 2.0 dalam pembelajaran di dalam kelas	-	13.3	26.7	46.7	13.3	3.60
2.	Saya gunakan web 2.0 di luar waktu kuliah	-	6.7	26.7	33.3	33.3	3.93
3.	Saya gunakan web 2.0 dengan pensyarah	-	20.0	16.7	56.7	6.7	3.50
4.	Saya gunakan web 2.0 dengan rakan-rakan	-	6.7	10.0	40.0	43.3	4.20
5.	Saya guna berbagai jenis aplikasi web 2.0	-	6.7	10.0	60.0	23.3	4.00
6.	Saya guna web 2.0 untuk menyediakan bahan-bahan pembelajaran dengan komuniti luar	6.7	13.3	23.3	46.7	10.0	3.40
7.	Saya menyiapkan tugas aktiviti yang memerlukan penggunaan web2.0	-	13.3	26.7	46.7	13.3	3.60
8.	Saya guna web 2.0 untuk <i>upload</i> fail	-	-	20.0	66.7	13.3	3.93
9.	Saya aktif dalam guna aplikasi web 2.0	-	13.3	26.7	43.3	16.7	3.63
10.	Perisian web 2.0 ini membantu merangsangkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif	-	-	33.3	50.0	16.7	3.83
11.	saya menggunakan powerpoint (jing, voicethread, wallwisher, prezi dan lain-lain) dan video animasi berkaitan alat web 2.0	6.7	13.3	26.7	36.7	16.7	3.43

Min keseluruhan : 3.73 (tahap tinggi)

Min tertinggi bagi jadual 3.0 ialah 4.20 iaitu pada item 4, seramai 83.3% responden telah bersetuju bahawa mereka menggunakan web 2.0 dalam interaktif sosial dengan rakan-rakan. Manakala 6.7% tidak bersetuju dan 10% kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Bagi nilai min terendah pula ialah 3.40 iaitu pada item 6, seramai 56.7% bersetuju bahawa mereka menggunakan web 2.0 untuk menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan berkongsi bahan dengan komuniti luar. Seramai 23.3% kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut dan hanya 6.7% sahaja yang tidak bersetuju. Berdasarkan jadual 6.7 di atas, nilai min keseluruhan adalah 3.73 bagi taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan tahap penggunaan aplikasi web 2.0. Ini bermakna ia berada pada tahap tinggi. Terdapat lima item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan enam item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan.

Jadual 4.0 : Taburan Responden Mengikut Peratus (%) dan Min Berdasarkan Faktor Penggunaan Aplikasi Web 2.0

BIL	ITEM	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Pensyarah menggunakan pelbagai aplikasi web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran	-	13.3	20.0	53.3	13.3	3.37
2.	Saya menggunakan web 2.0 setiap masa melakukan latihan/tugasan	-	13.3	16.7	63.3	6.7	3.63
3.	Pensyarah menggunakan aplikasi web 2.0 untuk memantau markah aktiviti pelajar	-	6.7	50.0	36.7	6.7	3.43
4.	Saya mendapat kursus atau latihan khusus tentang penggunaan perisian web 2.0	13.3	33.3	20.0	20.0	13.3	2.87
5.	Saya mendapat pendedahan mengenai web 2.0 dari kawan-kawan	-	23.3	20.0	46.7	10.0	3.43
6.	Saya sangat peka terhadap pengintegrasian web 2.0 dalam pendidikan	-	30.0	33.3	33.3	3.3	3.10
7.	Terdapat subjek yang memerlukan saya menggunakan perisian web 2.0	-	6.7	13.3	53.3	26.7	4.00
8.	Persekitaran pengajaran dan pembelajaran menggunakan perisian web 2.0	-	13.3	20.0	43.3	23.3	3.77
9.	Pengintegrasian web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran	-	13.3	33.3	40.0	13.3	3.53
10.	Pengintegrasian web 2.0 dalam interaksi social	-	6.7	26.7	46.7	20.0	3.80

Min keseluruhan : 3.49 (tahap sederhana)

Jadual 4.0 menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan faktor penggunaan aplikasi web 2.0. Min tertinggi dalam jadual di atas ialah 4.00 iaitu pada item 7, seramai 80% responden telah bersetuju bahawa terdapat subjek yang memerlukan mereka untuk menggunakan perisian web 2.0. Manakala 6.7% tidak bersetuju dan 13.3% kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Bagi nilai min terendah pula ialah 2.87 iaitu pada item 4 menunjukkan seramai 46.6% tidak mendapat kursus atau latihan khusus mengenai penggunaan perisian web 2.0. Manakala yang mendapat kursus atau latihan mengenai penggunaan perisian web 2.0 adalah seramai 33.3% sahaja. Seramai 20% kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Berdasarkan jadual 6.8 di atas, nilai min keseluruhan adalah 3.49 bagi taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan faktor penggunaan aplikasi web 2.0. Ini bermakna ia berada pada yang sederhana. Terdapat lima item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan lima item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan.

Jadual 5.0 : Taburan Responden Mengikut Peratus (%) dan Min Berdasarkan Tahap Kemahiran Penggunaan Aplikasi Web 2.0

BIL	ITEM	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya mahir menggunakan perisian web 2.0	-	13.3	30.0	40.0	16.7	3.60
2.	Tanpa buku panduan untuk menggunakan perisian web 2.0 saya tidak tahu untuk mengendalikan perisian tersebut	6.7	36.7	23.3	26.7	6.7	2.90
3.	Saya tahu membina aturcara atau program menggunakan bahasa pengaturcaraan	26.7	13.3	53.3	6.7	-	2.40
4.	Saya tidak menghadapi sebarang masalah mengendalikan perisian web 2.0 dalam pembelajaran	-	20.0	40.0	33.3	6.7	3.27
5.	Saya tidak menghadapi sebarang masalah mengendalikan perisian web 2.0 dalam	-	16.7	23.3	30.0	30.0	3.73

	interaksi sosial								
6.	Saya tidak mempunyai kemahiran menggunakan perisian web 2.0 ini	16.7	40.0	26.7	10.0	6.7	2.50		
7.	Kandungan kursus tentang penggunaan perisian web 2.0 yang dianjurkan oleh pihak universiti adalah kurang efisien.	13.3	30.0	30.0	26.7	-	2.70		
8.	Saya menghasilkan sendiri perisian web 2.0 yang digunakan dalam pembelajaran	33.3	30.0	16.7	20.0	-	2.23		
9.	Perisian web 2.0 yang saya gunakan dalam pembelajaran dibekalkan oleh pihak universiti/pensyarah	-	33.3	16.7	43.3	6.7	3.23		
10.	Saya sendiri berusaha memperbaiki kemahiran saya dalam penggunaan perisian web 2.0 ini.	-	20.0	10.0	26.7	43.3	3.93		

Min keseluruhan : 3.05 (tahap sederhana)

Jadual 5.0 menunjukkan taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan tahap kemahiran penggunaan aplikasi web 2.0. Min tertinggi dalam jadual di atas ialah 3.93 iaitu pada item 10, seramai 70% responden telah bersetuju bahawa mereka akan berusaha memperbaiki kemahiran mereka dalam menggunakan perisian web 2.0. Manakala 20% tidak bersetuju untuk memperbaiki kemahiran mereka dan 10% kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Bagi nilai min terendah pula ialah 2.23 iaitu pada item 8 menunjukkan seramai 63.3% tidak menghasilkan sendiri perisian web 2.0 yang digunakan dalam pembelajaran. Manakala hanya 20% sahaja yang boleh menghasilkan perisian web 2.0 dan seramai 16.6% kurang setuju dengan pernyataan tersebut iaitu ada perisian web 2.0 yang boleh mereka hasilkan sendiri dan ada yang mereka tidak boleh menghasilkan sendiri. Pernyataan ini diperkukuhkan lagi dengan pernyataan 3 bahawa 40% pelajar tidak tahu bagaimana untuk membina atucara program menggunakan bahasa pengaturcaraan. Hanya 6.7% pelajar sahaja yang tahu bagaimana untuk membina atucara program menggunakan bahasa pengaturcaraan dan seramai 53.5% pelajar kurang setuju mengenai pernyataan tersebut.

Berdasarkan jadual 5.0 di atas, nilai min keseluruhan adalah 3.05 bagi taburan responden mengikut peratus dan min berdasarkan tahap kemahiran menggunakan aplikasi web 2.0. Ini bermakna ia berada pada yang sederhana. Terdapat lima item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan lima item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan.

Hubungan Antara Pengetahuan, Faktor Dan Kemahiran Terhadap Tahap Penggunaan Perisian Web 2.0

Persoalan Kajian 2 : Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, faktor dan kemahiran terhadap tahap penggunaan teknologi Web 2.0 dalam kalangan pelajar siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia?

Hasil dapatan yang telah diperolehi, pengkaji mendapati beberapa aspek yang berkaitan dalam hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan faktor dengan tahap penggunaan teknologi Web 2.0. ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual 6.10 dibawah.

Jadual 6.0 : Hubungan Antara Pengetahuan Terhadap Tahap Penggunaan teknologi Web 2.0

		Pengetahuan
Penggunaan	Pearson Correlation (r)	.879**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	30

** . Korelasi signifikan pada aras 0.01 level (2-tailed).

Hasil kajian tentang hubungan antara pengetahuan dengan tahap penggunaan aplikasi Web 2.0 ditunjukkan dalam jadual 6.10 di atas. Pengkaji mendapati bahwa aras ($p < 0.01$), ini bermakna nilai (p) adalah lebih kecil daripada aras signifikan iaitu nilai (α) bersamaan 0.01. Hasilnya dapatlah dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif di antara pengetahuan pelajar terhadap aplikasi Web 2.0 dengan tahap penggunaan aplikasi Web 2.0. Malahan daripada jadual di atas, menunjukkan nilai ($r = 0.879$) iaitu pada aras korelasi positif tinggi yang membawa maksud bahawa terdapat hubungan antara kedua-duanya.

Jadual 7.0. Hubungan Antara Kemahiran Terhadap Tahap Penggunaan Perisian Web 2.0

		Kemahiran
Penggunaan	Pearson Correlation	.707**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	30

** . Korelasi signifikan pada aras 0.01 level (2-tailed).

Berikut adalah bagi melihat hubungan antara kemahiran pelajar dalam mengendalikan aplikasi web 2.0 dengan tahap penggunaan aplikasi tersebut. Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa nilai ($p < 0.01$) iaitu lebih kecil daripada nilai (α) iaitu 0.01. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran mengendalikan teknologi dengan tahap penggunaan perisian tersebut.

Selain itu, melalui jadual di atas juga mendapati bahawa korelasi bagi hubungan ini ialah pada aras ($r = 0.707$) iaitu tahap korelasi ini berada pada korelasi positif tinggi.

Ini juga memperlihatkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara kemahiran dalam mengendalikan perisian dengan tahap penggunaan perisian Web 2.0.

Jadual 8.0 Hubungan Antara Faktor Terhadap Tahap Penggunaan Teknologi Web 2.0

		Faktor Penggunaan
Penggunaan	Pearson Correlation	.894**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	30

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Berikut adalah bagi melihat hubungan antara faktor penggunaan aplikasi web 2.0 terhadap tahap penggunaan aplikasi tersebut. Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa nilai ($p < 0.01$) iaitu lebih kecil daripada nilai (α) iaitu 0.01. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor penggunaan perisian terhadap tahap penggunaan perisian tersebut.

Selain itu, melalui jadual di atas juga mendapati bahawa korelasi bagi hubungan ini ialah pada aras ($r = 0.894$) iaitu tahap korelasi ini berada pada korelasi positif tinggi. Ini juga memperlihatkan bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara faktor penggunaan perisian terhadap tahap penggunaan teknologi Web 2.0.

Perbincangan



Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden pernah menggunakan aplikasi web 2.0, namun yang membezakan mereka adalah dari segi jenis aplikasi yang digunakan. Kebanyakan pelajar hanya pernah *facebook*, *skype*, *blog*, *wordpress*, *prezi*, *twitter*, *flickr*, *evemote*, *tumblr*, *instagram*, aplikasi *google* dan *youtube*.

Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0

Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap penggunaan aplikasi web 2.0 dalam kalangan pelajar siswazah fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah pada paras tinggi. Keadaan ini terjadi adalah kerana kebanyakan pelajar menggunakan aplikasi web 2.0 dalam interaksi sosial dengan rakan-rakan berbanding dengan pensyarah. Mereka lebih menggunakan aplikasi web 2.0 ini untuk interaksi sosial berbanding untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Ini dibuktikan bahawa mereka bersetuju bahawa mereka akan menggunakan aplikasi web 2.0 dalam pembelajaran hanya untuk menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan berkongsi sumber dengan komuniti luar.

Ini bermakna sesetengah mereka tidak menggunakan aplikasi web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran baik di dalam kelas mahupun di luar kelas.

Kajian ini disokong oleh data statistik global 2015 bahawa rakyat Malaysia berumur antara 16 tahun hingga 64 tahun meluangkan masa dengan media sosial dalam masa sehari adalah 2.8 iaitu nilai kedua tertinggi daripada 13 buah negara (rujuk rajah 7.0). Masa yang diluangkan untuk penggunaan internet dalam masa sehari menggunakan laptop atau tablet adalah selama 5jam 4minit, dan penggunaan internet menggunakan telefon pintar adalah 3jam 39 minit. Manakala bagi penggunaan media sosial menggunakan apa jua bentuk peranti, mereka meluangkan masa selama 3jam 27 minit, dan menonton televisyen menggunakan internet adalah selama 2jam 24 minit (rujuk rajah 7.1).



Rajah 7.0 menunjukkan statistik 13 buah Negara dalam meluangkan masa untuk diperuntukkan dalam sehari dengan media media sosial

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini adalah bertentangan daripada kajian yang dilakukan oleh Nurul Hidayah (2009) yang mendapati bahawa tahap kesedaran pelajar terhadap penggunaan Web 2.0 adalah pada tahap sederhana. Faktor yang mendorong pelajar untuk menggunakan Web 2.0 adalah faktor kelebihan web 2.0 itu sendiri, faktor persekitaran, dan faktor pembelajaran. Namun dalam kajian Norazlinda Saad & Surendran Sankaran (2014) menunjukkan tahap penggunaan web 2.0 berada pada tahap sederhana. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh tiada latihan, faktor kekurangan kemudahan, faktor masa dan kurangnya kemahiran.

Kesimpulan yang dapat pengkaji perolehi ialah tahap penggunaan perisian dalam kalangan responden dalam kajian ini berada pada aras tinggi. Antara faktor yang dikenalpasti adalah kerana responden kerap menggunakan web 2.0 dalam interaksi sosial dengan rakan-rakan dengan menggunakan pelbagai jenis aplikasi web 2.0. Selain itu, mereka juga lebih menggunakan aplikasi ini untuk memuat turun naik fail dan kerap menggunakan aplikasi ini di luar kelas berbanding menggunakan dalam pembelajaran di dalam kelas.

Hubungan Antara Pengetahuan, Faktor Dan Kemahiran Terhadap Tahap Penggunaan Perisian Web 2.0

Hasil dapatan yang telah diperolehi, pengkaji mendapati terdapat beberapa aspek yang berkaitan dengan hubungan antara pengetahuan, faktor dan kemahiran terhadap tahap penggunaan perisian Web 2.0. Antaranya hubungan antara aspek pengetahuan terhadap tahap penggunaan perisian mempunyai hubungan yang kuat dan positif. Ini bermakna pengetahuan pelajar terhadap perisian akan mempengaruhi dalam tahap penggunaan perisian tersebut. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Norazlinda Saad & Surendran Sankaran (2014), Zaidatun Tasir & Lim Bee Yeok (2011), mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan tahap penggunaan Web 2.0.

Dapatan ini menggambarkan bahawa tahap penggunaan perisian amat berkait rapat dengan tahap pengetahuan pelajar dalam mengendalikan perisian Web 2.0 ini. Tahap pengetahuan dan pemahaman sering dikaitkan dengan pengaruh utama seseorang individu untuk mengaplikasikan atau menjana idea mereka terhadap penggunaan perisian yang menjuruskan kepada perkara yang ingin dilakukan (Abdul Rahim & Nurul Shahrina 2010).

Bagi aspek kemahiran, dapatan kajian yang diperolehi mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif tinggi antara kemahiran dalam mengendalikan perisian terhadap tahap penggunaan perisian web 2.0. Dapatan ini jelas menyokong dapatan yang diperolehi oleh Mohd Anuar & Faezah Shamsudin (2010), dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penguasaan kemahiran responden terhadap penggunaan e-pembelajaran.

Ini kerana apabila para pelajar menguasai kemahiran dalam mengendalikan perisian, secara tidak langsung akan menyebabkan seseorang itu mahir dalam menggunakan perisian dengan baik, mudah dan cepat. Namun jika mereka tidak mempunyai kemahiran dalam mengendalikan perisian, mereka tidak akan dapat menggunakannya dengan baik mungkin. Malah keadaan ini pasti akan merumitkan mereka sekiranya berlaku masalah teknikal semasa mengendalikan perisian tersebut.

Sementara itu, bagi aspek faktor pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat dan positif antara faktor penggunaan aplikasi web 2.0 terhadap tahap penggunaan aplikasi web 2.0. Kajian ini bertentangan dengan kajian Surendran Sankaran & Norazlinda Saad (2014) iaitu dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor penggunaan aplikasi mempunyai hubungan negatif yang tinggi terhadap pengintegrasian perisian kursus interaktif. Dapatan ini menjelaskan bahawa perisian kursus interaktif yang mempunyai tahap kerumitan yang rendah mempunyai tahap pengintegrasian yang tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala perisian kursus interaktif yang mempunyai tahap kerumitan yang tinggi mempunyai tahap pengintegrasian perisian kursus interaktif yang rendah.

Cadangan

Berdasarkan dapatan dan batasan kajian yang telah dijalankan, maka beberapa cadangan yang boleh dijadikan landasan kepada pengkaji akan datang. Antaranya:

- i. Dalam kajian ini pengkaji hanya membataskan kepada pelajar siswazah fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai sampel kajian. Oleh itu,

pengkaji mencadangkan agar kajian ini dapat diperluaskan lagi ke atas sampel yang lebih ramai yang mana melibatkan kesemua pelajar fakulti pendidikan atau melibatkan semua pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia.

- ii. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan untuk mengkaji hubungan di antara tahap penggunaan perisian Web 2.0 terhadap aspek jantina, taraf pendidikan, pengalaman menggunakan perisian dan lain-lain.
- iii. Seterusnya pengkaji mencadangkan agar kajian seperti ini dapat dijalankan dengan lebih banyak bagi melihat keberkesanan penggunaan perisian sebagai satu alternatif pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kesimpulan

Pada keseluruhannya, tahap penggunaan perisian web 2.0 dalam kalangan pelajar fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia adalah pada tahap tinggi. Bagi aspek pengetahuan, kemahiran dan faktor penggunaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap penggunaan aplikasi web 2.0. Ini menunjukkan bahawa walaupun tahap penggunaan perisian adalah pada tahap yang tinggi, tetapi pelajar lebih menggunakan perisian untuk interaksi sosial dengan rakan-rakan. Mengikut Ansary (2009), kebanyakan institusi pengajian tinggi yang mengamalkan e-pembelajaran belum lagi mencapai tahap yang tertinggi iaitu menggunakan sepenuhnya teknologi web 2.0. Universiti Awam masih lagi menggunakan modul instruksional sendiri yang diakses dalam laman web atau LMS, dan mencari maklumat dalam Google. Oleh itu, penggunaan laman-laman web bercirikan Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah harus dikaji dengan lebih mendalam memandangkan penggunaannya dalam bidang pendidikan masih di peringkat rendah di negara ini (Nurhanisah, 2012).

Rujukan

- Abdul Rahim Bin Hamdan & Nurul Shahrina Binti Shahrin (2010). Kesyediaan pelajar mempelajari mata pelajaran pengajian kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ansary Ahmed (2009). E-learning today. A powerpoint presentation by AeU President, Kuala Lumpur.
- Johan @ Eddy Luaran (2013). Pengintegrasian web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah dan geografi. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi (UMS, 29-30 Ogos 2013)*
- Mohd Anuar Bin Abdul Rahman & Faezah Binti Shamsudin (2010). Penggunaan E-Pembelajaran di kalangan pelajar jabatan pendidikan teknik dan kejuruteraan, Universiti Teknologi Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran (2014). Hubungan antara pengetahuan dengan penggunaan web 2.0 tools dalam kalangan pensyarah universiti. *International Conference on Postgraduate Research (ICPR2014)*. 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur, Malaysia. p. 299-304
- Norazlinda Saad & Surendran Sankaran (2014). Kerumitan teknologi dengan pengintegrasian perisian kursus interaktif di SMK Harian. *International*

- Conference on Postgraduate Research (ICPR 2014)*. 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur, Malaysia. p. 305-311
- Nurhanisah Mohamad. (2012). Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Dicapai pada 4 Jun 2014 dari http://pibaukm.files.wordpress.com/2012/02/artikel-3_aplikasi-web-2-0.pdf.
- Nurul Hidayah Ariff (2009). Kajian Penggunaan Web 2.0 Dari Aspek Perkongsian Maklumat Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Yelland & Kilderry (2010). Becoming numerate with information and communications technologies in the twenty-first century. *International Journal of Early Years Education*. Vol.18, No.2, June 2010, 91-106
- Zaidatun Tasir, & Lim Bee Yeok. (2011). Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Masalah Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah. *Journal of Social Science*, 3, 83-103

_____0000_____